

PANDUAN KESELAMATAN MENGECAS *POWER BANK*

1. Pastikan kapasiti *power bank* yang perlu dicas, kerana semakin tinggi kapasiti (mAh) pada *power bank* semakin lama tempoh masa yang diperlukan untuk dicas sepenuhnya, contoh:

Kapasiti <i>Power Bank</i> (mAh)	Jangkaan Tempoh Masa Dicas Sepenuhnya (jam)
1,000	2
5,000	5 - 6
10,000 – 15,000	8 – 10
20,000	12

2. Gunakan kabel USB dengan kelajuan *transfer rate* yang tinggi (USB 2.0 dan ke atas) dan *charger plug* yang berkualiti tinggi.
3. Pastikan *power bank* yang hendak dicas adalah berkualiti baik, mempunyai fungsi *auto cut off* yang menggunakan bateri jenis *lithium-polymer* yang lebih tahan lama dan tahan suhu tinggi.
4. *Power bank* yang dicas mestilah diletakkan jauh daripada kertas, buku, kain atau barang yang mudah terbakar.
5. Jangan tinggalkan *power bank* yang sedang dicas dalam tempoh masa yang lama. Ini kerana, jika berlaku kebocoran pada bateri *power bank* semasa dicas, ianya boleh menyebabkan bateri menjadi panas dan terbakar.
6. Jangan menggunakan sebarang alatan elektronik (seperti telefon pintar atau *tablet*) pada *power bank* yang sedang dicas.
7. Pastikan suis *charger plug* ditutup dan ditanggalkan setelah *power bank* dicas sepenuhnya.